

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR  
BILANGAN 1/2022**

---

**PELAKSANAAN HARI TANPA TUNAI BAGI PEMBAYARAN URUSAN TANAH DI  
NEGERI SELANGOR BERMULA 1 JANUARI 2023**

---

**1. TUJUAN**

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah berhubung pelaksanaan Hari Tanpa Tunai bermula 1 Januari 2023 di kaunter bayaran hasil di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) dan di semua Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di Negeri Selangor.

**2. LATAR BELAKANG**

Sejajar dengan inisiatif Kerajaan Negeri untuk mewujudkan *Cashless Society* di kalangan rakyat Negeri Selangor, pelaksanaan Hari Tanpa Tunai adalah bertujuan untuk memperluas dan memperkasa kaedah bayaran tanpa tunai bagi semua jenis bayaran berkaitan urusan tanah di Negeri Selangor.

**3. KUMPULAN SASARAN**

Mana-mana individu atau syarikat termasuk pemilik berdaftar hartanah di Negeri Selangor dan firma guaman yang berkeperluan untuk menjelaskan bayaran cukai tanah dan cukai petak, fi bagi mana-mana perserahan urusan niaga dan bukan urusan niaga, bayaran permit dan lesen termasuk bayaran denda dan lain-lain bayaran yang dikenakan oleh PTGS dan PDT.

#### 4. KAEDAH PELAKSANAAN

- 4.1 Pelaksanaan Hari Tanpa Tunai akan dilaksanakan di kaunter hasil PTGS dan semua PDT termasuk bayaran di kaunter van bergerak mengikut ketetapan yang berikut:

Hari : **Setiap Rabu**

Masa : **8.30 pagi – 3.30 petang**


- 4.2 Orang awam yang ingin menjelaskan bayaran di kaunter hasil pada hari tersebut akan disarankan untuk menggunakan kaedah **bayaran selain tunai** mengikut urusan seperti berikut:

I.	<b>Bayaran Bil Cukai Tanah Dan Cukai Petak</b>	I. Kad debit II. Kad kredit III. Bank draf IV. Kiriman wang / wang pos V. Portal eHasil
II.	<b>Selain bayaran bil cukai tanah dan cukai petak</b>	I. Bank draf; II. Kiriman wang / wang pos; III. Sistem SMARTBOX

- 4.3 Bayaran menggunakan kaedah *Electronic Fund Transfer* (EFT) adalah tertakluk kepada Garis Panduan Bayaran Cukai Tanah dan Petak, Premium Tanah, Pajakan Tanah Rezab dan Permit Bahan Batuan Secara EFT yang dikeluarkan oleh Bendahari Negeri Selangor;

## 5. TARIKH KUAT KUASA

Arahan ini adalah berkuat kuasa bermula 1 Januari 2023.



(DR. YUSRI BIN ZAKARIAH) s.m.s

Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

Tarikh: 14.12.2022